

BULETIN MPK

Perbandaran Cemerlang

Sejahtera Semua

EDARAN PERCUMA | www.mpkulai.gov.my

KULAI INTEGRATED DIGITAL STATION (KIDS)



Majlis Pelancaran KULAI INTEGRATED DIGITAL STATION (KIDS) MAJLIS PERBANDARAN KULAI

Program Seminar dan Townhall PENGURUSAN HARTANAH BERSTRATA TAHUN 2025

2

EDISI 2025



Imbas Kod untuk
Terbitan Digital

**Menarik
di dalam...**

8 PREMIS PERNIAGAAN DIARAH
TUTUP SERTA MERTA DAN
6 PREMIS DISITA

KARNIVAL TVET
& KERJAYA KULAI 2025

KARNIVAL BERBASIKAL KULAI
TAHUN 2025 (KBK2025)



Kandungan



3

OPERASI BERSEPADU: Sebuah Premis di Bandar Putra Diarah Tutup.

OPERASI SITAAN: Tindakan terhadap premis yang mempunyai cukai tertunggak.

4

8 PREMIS Perniagaan Diarah Tutup Serta Merta dan 6 Premis Disita Dalam Operasi Perniagaan yang Dikendalikan oleh Warga Asing.

5

MAJLIS "SYAWAL DIRAI, JASA DIHARGAI" Sambutan Hari Raya Aidilfitri 1446H/2025M Peringkat Majlis Perbandaran Kulai.

6

MAJLIS Penyampaian Kurniaan Duit Raya Duli Yang Amat Mulia Tunku Mahkota Ismail Pemangku Sultan Johor kepada Anak-Anak Yatim Islam Daerah Kulai.

7

MESYUARAT PENUH BIL. 4/2025 & Majlis Pelancaran Hotline Whatsapp MPKu.

8

KARNIVAL TVET & Kerjaya Kulai 2025.

9

LAWATAN KERJA Timbalan Setiausaha Kerajaan Johor (Pembangunan) Ke Daerah Kulai.

FESTIVAL Sukan Agensi & Jabatan Negeri Johor 2025.

10

MAJLIS Penyerahan *Kulai Integrated Digital Station (KIDS)* Majlis Perbandaran Kulai.

PROGRAM SEMINAR dan Townhall Pengurusan Hartanah Berstrata Tahun 2025 Di Bawah Pentadbiran Majlis Perbandaran Kulai.

11

KARNIVAL Berbasikal Kulai Tahun 2025 (KBK2025).

PROGRAM Korban Perdana Peringkat Majlis Perbandaran Kulai 1446H/2025M.

12

PROGRAM "AADK FUN RUN; Say No To Drugs" Sempena Sambutan Peringatan Hari Antidadah Kebangsaan (HAD) Peringkat Negeri Johor Tahun 2025.

13

PROGRAM Johor Bersih Gotong- royong Bersama Penduduk Pangsapuri Taman Harmoni (Zon17), Kulai.

PROGRAM Mantap Math STEM 2025.

14

LAWATAN Pemeriksaan Pematuhan Syarat Berkaitan Kawalan Pencemaran dari Aktiviti Kuari dan Berkaitan di Kawasan Ayer Bambam, Kulai, Johor.

15

MAJLIS PERBANDARAN KULAI Turut Serta Dengan Penampilan "Puncak Bayu" di Hari Landskap Negara 2025.



PENGHARGAAN BULETIN



TUAN MOHD HAFIZ BIN ALIMAN
YANG DIPERTUA, MAJLIS PERBANDARAN KULAI



TUAN HAJI TS. AZMEE BIN AWANG K.B.;P.A
SETIAUSAHA, MAJLIS PERBANDARAN KULAI

Yang Dipertua,
Ahli-Ahli Majlis dan Seluruh Warga Kerja,
Majlis Perbandaran Kulai.

Diterbitkan Oleh:
Pengurusan Korporat,
Seksyen Media dan Rangkaian,
Unit Korporat & Perhubungan Awam, Majlis Perbandaran Kulai.



OPERASI BERSEPADU: SEBUAH PREMIS DI BANDAR PUTRA DIARAH TUTUP

Sebuah premis perniagaan di Jalan Rajawali 1, Bandar Putra telah diarahkan tutup dalam satu operasi bersepadu yang dijalankan bersama Ibu Pejabat Polis Daerah (IPD) Kulai.

Operasi yang bermula pada jam 9.00 malam itu melibatkan seramai enam anggota terdiri daripada seorang pegawai pelesenan, tiga pegawai penguatkuasaan dan dua anggota IPD Kulai. Hasil pemeriksaan di lokasi mendapati premis terbabit beroperasi tanpa lesen yang sah dan tidak mempunyai rekod pendaftaran perniagaan dengan Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM).



10.04.2025

Buletin 2025-2

OPERASI SITAAN: TINDAKAN TERHADAP PREMIS YANG MEMPUYAI CUKAI TERTUNGGAH

Beberapa premis di sekitar Kelapa Sawit, Taman Putri, Kawasan Perindustrian Timur dan Indahpura dikenakan tindakan sitaan dalam satu operasi bersepadu terhadap pemilik yang mempunyai tunggakan cukai.

Turut dikenakan tindakan, sebuah kilang kejuruteraan besi dan logam yang gagal melunaskan tunggakan sebanyak RM10,475.00. Susulan itu, tindakan sitaan telah diambil ke atas beberapa peralatan utama termasuk satu unit *drill press*, empat unit mesin kimpalan, dan satu unit mesin pemotong. Borang G dan F turut dikeluarkan kepada pemilik premis. Sementara itu, sebuah premis perniagaan yang beroperasi tetapi gagal menjelaskan tunggakan RM2,605.60 turut dikenakan tindakan sitaan. Antara barangan yang disita adalah dua unit peti ais tiga pintu dan satu unit peti ais satu pintu.

Pihak berkuasa menegaskan bahawa tindakan tegas akan terus diambil terhadap pemilik premis yang ingkar bagi memastikan kutipan cukai dilaksanakan dengan adil dan teratur.



8 PREMIS PERNIAGAAN DIARAH TUTUP SERTA MERTA & 6 PREMIS DISITA DALAM OPERASI PERNIAGAAN YANG DIKENDALIKAN OLEH WARGA ASING

Majlis Perbandaran Kulai telah menjalankan satu Operasi Bersepadu yang disertai Tuan Mohd Hafiz bin Aliman, Yang Dipertua Majlis Perbandaran Kulai (MPKu), Tuan. Mohd Fadil bin Misnan, Ketua WHIP MPKu, Ts. Azmee bin Awang, Setiausaha MPKu serta jabatan-jabatan berkaitan MPKu bersama Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM) dan PDRM. Operasi Bersepadu yang dijalankan bertujuan meningkatkan kawalan perniagaan yang dikendalikan oleh warga asing.

Melalui Operasi Bersepadu pada hari ini, lapar premis perniagaan yang dikendalikan warga asing diarah tutup serta merta kerana melanggar syarat-syarat lesen perniagaan dan menjalankan perniagaan tanpa lesen selaras dengan UUK Pelesenan Tred, Perniagaan dan Perindustrian (MPKu) 2019.

Enam (6) premis perniagaan disita kerana menjalankan perniagaan tanpa lesen dan pelanggaran syarat lesen yang dikendalikan warga asing. Empat (4) Notis Amaran Pembatalan Lesen Perniagaan dikeluarkan bagi pelbagai kesalahan pelanggaran syarat yang sama.

Lima (5) kompaun dikeluarkan bagi pelbagai kesalahan di bawah Akta Jalan Parit dan Bangunan Akta 133 dan Akta Kerajaan Tempatan Akta 171 dengan nilai keseluruhan kompaun sebanyak RM6,500.00.

Lima Belas (15) Notis dikeluarkan bagi pelbagai kesalahan di bawah Akta 133, Akta Jalan, Parit & Bangunan. Empat (4) kompaun telah dikeluarkan oleh Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM) di atas pelbagai kesalahan di bawah Akta Perniagaan 1956 dan Akta Syarikat 2016.

Operasi bersepadu akan diteruskan dari semasa ke semasa selaras dengan arahan Kerajaan Negeri Johor melalui Pengerusi Jawatankuasa Perumahan dan Kerajaan Tempatan dalam meningkatkan kawalan perniagaan yang dikendalikan oleh warga asing. Pemilik perniagaan juga diingatkan tidak menjalankan perniagaan tanpa lesen dan tidak menggajikan pekerja warga asing tanpa permit yang sah.

Selain itu juga pemilik lesen dilarang menyalahgunakan lesen bagi tujuan menyerah pemilikan lesen kepada orang lain terutamanya warga asing, jika didapati bersalah pemilik lesen boleh dikenakan denda RM2,000.00 atau dipenjara 1 tahun atau kedua-duanya sekali sebagaimana UUK Pelesenan Tred, Perniagaan & Perindustrian (MPKu) 2019.





Dewan Raya Bandar Putra

MAJLIS "SYAWAL DIRAI, JASA DIHARGAI" SAMBUTAN HARI RAYA AIDILFITRI 1446H/2025M PERINGKAT MAJLIS PERBANDARAN KULAI





MAJLIS PENYAMPAIAN KURNIAAN DUIT RAYA DULI YANG AMAT MULIA TUNKU MAHKOTA ISMAIL PEMANGKU SULTAN JOHOR KEPADA ANAK-ANAK YATIM ISLAM DAERAH KULAI

Majlis Penyampaian Kurniaan Duit Raya Duli Yang Amat Mulia Tunku Mahkota Ismail Pemangku Sultan Johor Kepada Anak-Anak Yatim Islam Daerah Kulai telah disempurnakan oleh Tuan Mohd Hafiz bin Aliman, Yang Dipertua Majlis Perbandaran Kulai.

Penyampaian ini diserahkan kepada 50 orang Anak Yatim di bawah seliaan Pertubuhan Kebajikan & Perlindungan Anak Yatim Islam Daerah Kulai (PKPAYIK). Penyampaian ini juga melibatkan sumbangan daripada YB Dato' Haji Mohd Jafni bin Md Shukor Pengerusi; Jawatankuasa Perumahan dan Kerajaan Tempatan dan Yayasan Sejahtera Kulai. Majlis ini diteruskan pada sesi petang melibatkan seramai 10 orang Anak Yatim yang telah disempurnakan oleh Tuan Md. Rozamusliadi bin Roslan; Pengerusi Pertubuhan Kebajikan & Perlindungan Anak Yatim Islam Daerah Kulai (PKPAYIK).



PERBANDARAN CEMERLANG,
SEJAHTERA SEMUA

Dewan Persidangan MPKu

MESYUARAT PENUH BIL. 4/2025 & MAJLIS PELANCARAN HOTLINE WhatsApp MPKu



Kempen Talian Hotline Whatsapp Majlis Perbandaran Kulai telah dilancarkan oleh Tuan Mohd Hafiz bin Aliman, Yang Dipertua MPKu. Talian hotline ini akan menjadi medium saluran pertanyaan berkaitan perbandaran, perkhidmatan dan aduan.

Ini adalah satu langkah proaktif dalam memperluas saluran komunikasi antara pihak majlis dan orang awam dimana ia merupakan simbol kepada pentadbiran yang responsif, telus dan mesra rakyat sekaligus meningkatkan tahap kepercayaan serta kepuasan warga Kulai terhadap perkhidmatan pihak berkuasa tempatan.





KARNIVAL TVET & KERJAYA KULAI 2025



Dewan Raya Putra



Telah hadir bagi merasmikan Karnival TVET & Kerjaya Kulai 2025 oleh YB Dato' Haji Mohd Jafni bin Md Shukor, EXCO Perumahan dan Kerajaan Tempatan Negeri Johor di Dewan Raya Putra pada hari ini.

Karnival TVET yang julung kali diadakan dengan kerjasama bersama TVET Malaysia dan Majlis Perbandaran Kulai dihadiri oleh 1,000 pelajar tingkatan 5 daripada 21 buah sekolah daerah Kulai bagi memberi pendedahan kepada pelajar dalam memilih peluang bagi melanjutkan pelajaran.

Pelajar yang hadir diberikan taklimat berkenaan TVET dan cara penggunaan aplikasi 'Up-Tvet' oleh YBhg. Dr. Mohd. Faizal Tokeran, Ketua Sekretariat Majlis TVET Negara, Taklimat dan Sesi Perkongsian Dari Johor Skills Development Centre dan perkongsian oleh JLand Group Sdn. Bhd. (JLG).

Karnival kali ini juga turut menampilkan 10 syarikat dan agensi bagi membuka peluang pekerjaan dalam sesi Jelajah Kerjaya Kulai 2025 dengan dihadiri oleh orang awam untuk sesi temuduga secara bersemuka.



Sebanyak 25 pempamer turut menjayakan Karnival TVET ini yang terdiri daripada JLand Group (JLG), Kolej Yayasan Pelajaran Johor (KYPJ), UTM, UTHM, Johor Skill Development Centre, Giat Mara, CIDB, ILP, JPK Wilayah Selatan, Kolej Komuniti Bandar Penawar dan lain-lain.

Turut hadir pada hari ini adalah Yang Berusaha Tuan Haji Ts. Azmee bin Awang, Setiausaha Majlis Perbandaran Kulai; Ts. Halim bin Abdullah, Sekretariat Majlis TVET Negara; Tuan Mohd Kamal Ulum, Ketua Penyelaras TVET Negara Parlimen Kulai; Tuan Mohd Fadil bin Misnan, Ketua WHIP MPKu; Tuan Ridzhuhan Buasan, Ketua Pegawai Sumber Manusia JLand Group; Puan Suhaizan, Penyelaras TVET Negara Parlimen Kulai dan ketua-ketua jabatan daerah dan persekutuan serta peserta karnival TVET & Kerjaya Kulai 2025.





LAWATAN KERJA TIMBALAN SETIAUSAHA KERAJAAN JOHOR (PEMBANGUNAN) KE DAERAH KULAI



Lawatan kerja oleh Yang Berhormat Dato' Haji Asman Shah bin Abd. Rahman, Timbalan Setiausaha Kerajaan Johor (Pembangunan) telah hadir pada hari ini ke Pejabat Daerah Kulai yang disambut mesra oleh Yang Berbahagia Tuan Fizwan bin Dato' Haji Mohd Rashidi, Pegawai Daerah Kulai.

Lawatan ini dimulakan dengan sesi taklimat projek RJ5T Daerah Kulai yang melibatkan pembentangan dari Pejabat Daerah Kulai, Majlis Perbandaran Kulai, JKR Daerah Kulai, JPS Daerah Kulai dan Pejabat Kadi Daerah Kulai.

Sesi ini diteruskan ke tapak cadangan bagi pembinaan jambatan di Kampung Pertanian dan seterusnya ke Tapak Cadangan Pembinaan Masjid Daerah Kulai yang baharu.

Turut serta dalam lawatan ini adalah Tuan Mohd Hafiz bin Aliman, Yang Dipertua Majlis Perbandaran Kulai; Puan Afzan binti Azhari, Pentadbir Tanah Daerah Kulai; As Syeikh Tuan Haji Hamizan bin Sayuti, Kadi Daerah Kulai; Tuan Mohd Fadzli bin Mohd Zaid, Ketua Penolong Pegawai Daerah Kulai; Ir Ts Nuzul Haqkimi Rizqa bin Norrudin, Jurutera JPS Daerah Kulai; Pegawai-Pegawai Tadbir Negeri Johor Daerah Kulai dan delegasi Setiausaha Kerajaan Johor.



FESTIVAL SUKAN AGENSI & JABATAN NEGERI JOHOR 2025



KULAI INTEGRATED DIGITAL STATION (KIDS)



MAJLIS PENYERAHAN KULAI INTEGRATED DIGITAL STATION (KIDS) MAJLIS PERBANDARAN KULAI



28.05.2025 Buletin 2025-2



PROGRAM SEMINAR DAN TOWNHALL PENGURUSAN HARTANAH BERSTRATA TAHUN 2025 DI BAWAH PENTADBIRAN MAJLIS PERBANDARAN KULAI

Program Seminar dan Townhall Pengurusan Hartanah Berstrata Tahun 2025 di bawah pentadbiran Majlis Perbandaran Kulai telah berlangsung di Dewan Raya Kulai. Program ini telah dirasmikan oleh Tuan Mohd Hafiz bin Aliman, Yang Dipertua Majlis Perbandaran Kulai merangkap Pesuruhjaya Bangunan Majlis Perbandaran Kulai, turut hadir Ts. Tuan Hj Azmee bin Awang, Setiausaha Majlis Perbandaran Kulai merangkap Timbalan Pesuruhjaya Bangunan Majlis Perbandaran Kulai dan Tuan Mohd Fadhil bin Misnan, Ketua Whip Majlis Perbandaran Kulai.





MAJLIS PERBANDARAN KULAI

KARNIVAL BERBASIKAL KULAI TAHUN 2025 (KBBK2025)



KULAI CYLING
PARK, Kulai

PROGRAM KORBAN PERDANA PERINGKAT MAJLIS PERBANDARAN KULAI 1446HI/2025M





PROGRAM “AADK FUN RUN; SAY NO TO DRUGS” SEMPENA SAMBUTAN PERINGATAN HARI ANTIDADAH KEBANGSAAN (HAD) PERINGKAT NEGERI JOHOR TAHUN 2025

Peringatan Hari Anti Dadah Tahun 2025 Peringkat Negeri Johor telah dirasmikan oleh Tuan Mohd Fadzli bin Mohd Zaid, Ketua Penolong Pegawai Daerah Kulai wakil rasmi Pegawai Daerah Kulai.

Program dengan kerjasama Majlis Perbandaran Kulai dimulakan dengan Pocket Talk: “Bestnya Hidup Sihat” oleh Dr. Muhammad Alimin bin Mat Reffien, Pejabat Kesihatan Daerah Kulai dan diteruskan lagi dengan pelepasan larian, senamrobik dan pelbagai aktiviti lain.

Turut hadir pada majlis hari ini adalah YBr. Tuan Khairul Anwar bin Bachok, Timbalan Ketua Pengarah (Operasi) AADK; SUPT Tuan Kamaludin Othman, Timbalan Ketua Polis Daerah Kulai; Puan Noor Hayati binti Ibrahim, Ketua Jabatan Kesihatan Awam MPKu, Ketua Jabatan Daerah, agensi-agensi kerajaan dan peserta program.



 Hutan Bandar
MPKu



PROGRAM JOHOR BERSIH GOTONG-ROYONG BERSAMA PENDUDUK PANGSAPURI TAMAN HARMONI (ZON 17), KULAI



PROGRAM MANTAP MATH STEM 2025

“Perkasa Pelajar Kulai dalam Matematik/STEM”



LAWATAN PEMERIKSAAN PEMATUHAN SYARAT BERKAITAN KAWALAN PENCEMARAN DARI AKTIVITI KUARI DAN BERKAITAN DI KAWASAN AYER BEMBAN, KULAI, JOHOR.

Majlis Perbandaran Kulai telah menjalankan pemeriksaan pematuhan syarat berkaitan kawalan pencemaran dari aktiviti kuari dan aktiviti berkaitan di kawasan Ayer Bemban. Lawatan pemeriksaan diketuai oleh Ts. Hj. Azmee bin Awang, Setiausaha Majlis Perbandaran Kulai bersama semua jabatan teknikal MPKu dan wakil Pejabat Tanah Daerah Kulai.

Lawatan pemeriksaan ini adalah susulan lawatan pemeriksaan oleh Pegawai Daerah Kulai, Tuan Fizwan bin Dato' Haji Mohd Rashidi pada 11 Mei 2025 yang lepas bagi memastikan pengusaha kuari dan *asfalt* mematuhi syarat yang ditetapkan bagi mengawal pencemaran kepada kawasan sekitar.

Berdasarkan pemeriksaan terdapat tindakan pematuhan yang telah dipatuhi dan masih dalam tindakan pelaksanaannya. Pengusaha telah diberi peringatan untuk terus mematuhi syarat yang ditetapkan bagi memastikan kawalan pencemaran dilaksanakan terutamanya berkaitan kebersihan jalan persekutuan. Pemantauan dan pemeriksaan tapak akan dijalankan dari semasa ke semasa.





MAJLIS PERBANDARAN KULAI TURUT SERTA DENGAN PENAMPILAN “PUNCAK BAYU” DI HARI LANDSKAP NEGARA 2025

Majlis Perbandaran Kulai (MPKu) turut menyertai Pertandingan Hari Landskap Negara 2025 yang berlangsung di Taman Bukit Layang-Layang, Pasir Gudang.

Penyertaan MPKu yang berkonsepkan ‘Puncak Bayu’ adalah berlandaskan gabungan dua elemen simbolik iaitu sayap belakang kapal terbang dan Gunung Pulau. Konsep ini menonjolkan Gunung Pulau sebagai ‘horizon’ utama di kawasan Kulai dan kapal terbang yang memaparkan Kulai sebagai satu-satunya daerah yang mempunyai lapangan terbang di negeri Johor. Metafora rekaan ini menggambarkan ruang di mana langit dan bumi bersatu.

Reka bentuknya yang unik menyerupai sebuah pesawat menambahkan daya tarikan visual dan menjadi latar belakang estetik. Apabila pengunjung naik di atas struktur utama, mereka seolah-olah berada di puncak Gunung Pulau sambil menikmati hembusan bayu dan pemandangan yang luas. Pengunjung dapat menyaksikan sendiri gabungan elemen reka bentuk keseluruhan inspirasi daripada laluan pendakian Gunung Pulau dan tanaman di bahagian fasad adalah inspirasi daripada flora Gunung Pulau.



Taman Bukit Layang-layang



**8 PREMIS PERNIAGAAN DIARAH TUTUP SERTA MERTA
DAN 6 PREMIS DISITA DALAM OPERASI PERNIAGAAN
YANG DIKENDALIKAN OLEH WARGA ASING**



www.mpkulai.gov.my



[mpku_official](#)



019 758 2828



Majlis Perbandaran Kulai



[mpkulai](#)



Kulai TV



mpku@johor.gov.my
aduan.mpkui@johor.gov.my